

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 JAN 2015

Laporan nahas MH17 siap pertengahan tahun - Najib

um - 24/1/2015

DAVOS 23 Jan. - Laporan akhir tragedi pesawat MH17 yang menyorbankan 298 penumpang dan anak kapal pada 17 Julai tahun lalu dijangka siap pertengahan tahun ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, Jawatankuasa Siasatan Bebas yang ditubuhkan bagi menyiasat insiden berkenaan sedang menyiapkan laporan akhir.

"Rakan sejawatan saya dari Belanda, Mark Rutte menyatakan laporan tersebut sedang disiapkan. Beliau berjanji akan memberi tahu saya rumusan laporan itu sebelum diumumkan," katanya pada sidang

akhbar di sini hari ini.

Najib sebelum itu mengadakan pertemuan dengan Rutte sempena Forum Ekonomi Dunia (WEF) 2015.

Pesawat Malaysia Airlines MH17 yang dalam perjalanan dari Amsterdam ke Kuala Lumpur terhempas di Donestk, Ukraine berhampiran dengan sempadan Rusia pada 17 Julai tahun lalu.

Menurut Perdana Menteri, hubungan Malaysia dan Belanda menjadi lebih rapat sejak tragedi berkenaan.

Najib berkata, Belanda turut melahirkan hasrat untuk mengada-

kan kerjasama dengan Malaysia dalam beberapa bidang seperti kelapa sawit dan kayu-kayan.

Perdana Menteri turut mengadakan pertemuan yang sama dengan Ketua Menteri Andhra Pradesh, India, Chandra Babu Naidu.

Dalam pertemuan itu, kata Najib, Chandra Babu melahirkan hasrat untuk bekerjasama dengan Malaysia bagi membangunkan ibu negeri baharu wilayah itu.

"Beliau mempelawa syarikat-syarikat Malaysia mengambil bahagian dalam projek-projek pembangunan infrastruktur seperti lebuh raya dan perumahan," katanya.